



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 7 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>PERLUAS AKTIVITI PAWE TAMPUNG KEPADATAN RUMAH WARGA EMAS - NANCY</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/02/1209452/perluas-aktiviti-pawe-tampung-kepadatan-rumah-warga-emas-nancy">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/02/1209452/perluas-aktiviti-pawe-tampung-kepadatan-rumah-warga-emas-nancy</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/rumah-seri-kenangan-tidak-mampu-tampung-kemasukan-warga-emas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/rumah-seri-kenangan-tidak-mampu-tampung-kemasukan-warga-emas/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peluasan-pawe-peringkat-komuniti-dapat-kekang-kepadatan-rumah-seri-kenangan-nancy-457081">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peluasan-pawe-peringkat-komuniti-dapat-kekang-kepadatan-rumah-seri-kenangan-nancy-457081</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/06/rumah-seri-kenangan-padat-kpwkm-galak-pembukaan-pawe/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/06/rumah-seri-kenangan-padat-kpwkm-galak-pembukaan-pawe/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/nancy-expansion-of-community-level-pawe-to-curb-overcrowding-at-rumah-seri-kenangan-PF12069161">https://thesun.my/local_news/nancy-expansion-of-community-level-pawe-to-curb-overcrowding-at-rumah-seri-kenangan-PF12069161</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>COMMUNITY GERIATRIC INITIATIVE PROVIDES COMPREHENSIVE SUPPORT FOR SARAWAK'S ELDERLY</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1010351/community-geriatric-initiative-provides-comprehensive-support-sarawaks">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1010351/community-geriatric-initiative-provides-comprehensive-support-sarawaks</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/geko-sedia-sokongan-perkhidmatan-kepada-warga-emas-di-sarawak/">https://suarasarawak.my/geko-sedia-sokongan-perkhidmatan-kepada-warga-emas-di-sarawak/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>SARAWAK SEDIAKAN PERUNTUKAN BELI PERALATAN TAKTIKAL MIDS, TANGANI ISU DADAH – FATIMAH</b>	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/06/sarawak-sediakan-peruntukan-beli-peralatan-taktikal-mids-tangani-isu-dadah-fatimah/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/06/sarawak-sediakan-peruntukan-beli-peralatan-taktikal-mids-tangani-isu-dadah-fatimah/</a>	TVSARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>MENANGANI FASA HIDUP MENCABAR</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/rencana/2024/02/1057975/menangani-fasa-hidup-mencabar">https://www.hmetro.com.my/rencana/2024/02/1057975/menangani-fasa-hidup-mencabar</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>'KITA TAKUT JUMLAH PEMBABITAN WANITA ITU AKAN BERKURANGAN'</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1209481/kita-takut-jumlah-pembabitan-wanita-itu-akan-berkurangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1209481/kita-takut-jumlah-pembabitan-wanita-itu-akan-berkurangan</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ANGKARA HUTANG, LELAKI BELASAH TEMAN WANITA DENGAN KAYU PENGILING</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1209456/angkara-hutang-lelaki-belasah-teman-wanita-dengan-kayu-pengiling">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1209456/angkara-hutang-lelaki-belasah-teman-wanita-dengan-kayu-pengiling</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/648270/berita/semasa/pekerja-kurier-ditahan-belasah-teman-wanita-kerana-hutang">https://www.sinarharian.com.my/article/648270/berita/semasa/pekerja-kurier-ditahan-belasah-teman-wanita-kerana-hutang</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>REMAN PENGAWAL KESELAMATAN CABUL MURID DISAMBUNG</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/648213/berita/semasa/reman-pengawal-keselamatan-cabul-murid-disambung">https://www.sinarharian.com.my/article/648213/berita/semasa/reman-pengawal-keselamatan-cabul-murid-disambung</a>	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>SULTAN NAZRIN BERKENAN RASMI KOMPLEKS WANITA, KANAK-KANAK DAN KARDIOLOGI HRPB</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanakkanak-dan-kardiologi-hrpb-457068">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanakkanak-dan-kardiologi-hrpb-457068</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/06/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/06/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268385">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268385</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sultan-perak-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb-ipoh">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sultan-perak-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb-ipoh</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1209258/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1209258/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/648180/edisi/perak/sultan-perak-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb">https://www.sinarharian.com.my/article/648180/edisi/perak/sultan-perak-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058124/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058124/sultan-nazrin-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/">https://www.buletintv3.my/nasional/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-kompleks-wanita-kanak-kanak-dan-kardiologi-hrpb/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1010283/sultan-nazrin-graces%2%A0raja-permaisuri-bainun-hospitals-women-children-and">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1010283/sultan-nazrin-graces%2%A0raja-permaisuri-bainun-hospitals-women-children-and</a>	NST.COM.MY



## Perluas aktiviti PAWE tampung kepadatan rumah warga emas - Nancy

Oleh Amir Mamat - Februari 6, 2024 @ 5:34pm  
bhnews@bh.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri melihat dan mencuba produk yang dihasilkan sempena melakukan lawatan kerja Program Pembangunan Wanita Tun Fatimah sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (SHWA) 2024 di Laman Wanita (LaWa) Jasin, Melaka, hari ini. NSTP/Amir Mamat

ALOR GAJAH: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil inisiatif meluaskan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di peringkat komuniti yang dijangka mampu mengatasi kepadatan penghuni di Rumah Seri Kenangan di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata langkah itu sebagai usaha memastikan warga emas terus produktif dan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih selamat dan selesa.

Beliau turut mengakui 10 Rumah Seri Kenangan sedia ada di negara sudah tidak mampu menampung jumlah warga emas yang semakin meningkat ketika ini.

"Ia ditambah dengan keadaan negara kita yang sedang menuju ke arah negara menua. Untuk itu, kewujudan PAWE ini diharap dapat membantu golongan berkenaan," katanya selepas melancarkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM@ Alor Gajah di Kompleks Penyayang Alor Gajah, di sini hari ini.

Beliau berkata, walaupun terdapat banyak pusat penjagaan swasta, tidak semua golongan warga emas mampu ditempatkan di situ.

Justeru, katanya, kerajaan membenarkan lebih daripada satu PAWE diwujudkan di setiap Parlimen berbanding hanya satu sebelum ini.

"Kementerian mengalu-alukan komuniti yang ingin melaksanakan PAWE di lokaliti mereka membuat permohonan geran penubuhan PAWE dengan peruntukan tidak lebih daripada RM50,000 setahun."

"Kerajaan juga membenarkan komuniti setempat menyusun aktiviti PAWE mengikut kesesuaian kerana tidak mahu ia kelak menjadi projek 'gajah putih'.

"Disebabkan itu juga kita beri kebenaran untuk mereka menggunakan alamat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di tempat mereka ketika membuat permohonan jika tiada premis atau tanah untuk melaksanakannya," katanya.

Dalam pada itu, Nancy berkata, beliau mahu lebih banyak kerjasama dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dijalinan bagi memperkasakan industri penjagaan kesihatan selain melatih individu berminat dalam penjagaan warga emas atau orang yang memerlukan termasuk kanak-kanak.

"Kita sedang merancang untuk melatih lebih ramai orang dalam bidang ini dan proses pelaksanaan dengan kerjasama pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sedang dilaksanakan, selain mengenal pasti mekanisme yang lebih efektif," katanya.



## Community geriatric initiative provides comprehensive support for Sarawak's elderly

By NST Regional - February 6, 2024 @ 2:16pm



File pic credit (UKAS)

KUCHING: The "Geriatric Komuniti (GeKo)" initiative, spearheaded by the Kota Samarahan Clinic, is set to offer substantial support and services to the elderly in Sarawak, enabling them to lead their daily lives effectively.

As reported by the Sarawak Public Communications Unit, Sarawak Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah shared that the GeKo initiative also ensures healthy, active, and productive ageing by empowering the elderly, their families, and the community at large in Sarawak.

"GeKo is the first national initiative to provide specialised geriatric care in the community through primary care by targeting vulnerability through early and targeted intervention.

"At the same time, GeKo also optimises the capacity of the elderly to maintain a reasonable level of independence," she said.


She made these remarks while speaking at the Elderly Home Chinese New Year 2024 Celebration Dinner organised by Sarawak Hun Nam Siang Tng on Monday evening. Also present were Tay Boon Sin, Chairman of Hun Nam Siang Tng, and May Loo, Founder and Chairman of the Love Books Association Kuching.

Fatimah mentioned that the GeKo initiative is preparing Sarawak to become an aged state by 2028.

The initiative also aims to help individuals maximise their efforts to take care of themselves independently for as long as possible.

"This is the main focus of our ministry to ensure that every elderly person can be independent without needing assistance from others for as long as possible.

"Therefore, we need to take care of our health, not only in terms of nutrition but also physical, mental, and emotional aspects," she added.



Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah bercakap pada sidang media selepas Mesyuarat One Stop Committee (OSC) menangani isu dadah dan substans di Wisma Bapa Malaysia di Kuching pada Selasa. Foto TVS

## Sarawak sediakan peruntukan beli peralatan taktikal MIDS, tangani isu dadah – Fatimah

By TVS #bm, Berita Sarawak February 6, 2024

KUCHING, 6 Feb: Kerajaan Sarawak menyediakan peruntukan kewangan bagi pembelian peralatan taktikal bagi Menangani Isu Dadah dan Substans (MIDS), kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menurutnya inisiatif berkenaan akan membolehkan One Stop Committee (OSC) membeli keperluan peralatan taktikal yang membantu meningkatkan jumlah rampasan serta tangkapan di Sarawak.

"Sumbangan kewangan kerajaan negeri itu membolehkan kami membeli peralatan taktikal yang boleh digunakan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Sarawak (JSJN), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Sarawak dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

"Jadi peralatan taktikal ini juga membantu untuk meningkatkan dari segi rampasan dadah dan juga peningkatan dari segi tangkapan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi sidang media Mesyuarat One Stop Committee (OSC) menangani isu dadah dan substans di Wisma Bapa Malaysia di Kuching pada Selasa.

Terdahulu, peruntukan berjumlah RM7.9 juta telah disalurkan sejak 2018 sehingga April 2023 untuk menyokong usaha rakan-rakan strategik dalam melaksanakan program dan aktiviti strategik seperti operasi penguatkuasaan bersepadu bagi mengurangkan penawaran dadah dan substans.

Dalam perkembangan sama, Fatimah mendedahkan sebanyak 11,241 kes melibatkan 11,470 tangkapan berkaitan aktiviti penyalahgunaan dadah dan substans telah direkodkan oleh OSC Sarawak bagi tempoh Januari hingga Disember tahun 2023.


Tangkapan tersebut adalah hasil daripada 7,841 operasi yang dijalankan oleh beberapa Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal (JKT) terlibat termasuk Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) Sarawak dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Sarawak.

Menurutnya OSC turut merekodkan kejayaan yang ketara dengan peningkatan nilai rampasan dadah sebanyak 1,443 peratus iaitu dianggarkan berjumlah RM 151,030,195.97 pada tahun 2023 berbanding RM 9,788,023.35 pada tahun 2022.

"Rangkuman tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan nilai dadah dan bilangan tangkapan.

"Bagi kita ia adalah satu kejayaan oleh One Stop Committee MIDS bagi negeri Sarawak dengan peningkatan nilai dadah dan jumlah tangkapan yang telah dilakukan pada tahun 2023," ujarnya.

Sepanjang tahun lalu, daerah Kuching merekodkan jumlah tangkapan yang tertinggi dengan 2,675 orang, diikuti daerah Sibu dengan 1,280 orang, Daerah Miri sebanyak 1,277 orang, daerah Bintulu pula 939 orang dan daerah Samarahan sebanyak 605 orang. -TVS



## Menangani fasa hidup mencabar

Dr Siti Aisyah Samudin



FOTO HIASAN

Umum menyedari Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN) yang mula digubal pada tahun 1990 meletakkan warga emas sebagai antara kumpulan sasaran yang diberi tumpuan penting berikutan peningkatan masalah sosial membabitkan kumpulan itu, termasuklah penganiayaan dan pengabaian terhadap orang tua.

Masalah sosial ini pastinya mengganggu kesejahteraan negara sekali gus meninggalkan impak negatif. Dalam matlamat pembangunan mampan ketiga, kerajaan menggariskan beberapa perkara berkaitan kesihatan dan kesejahteraan bagi memastikan kehidupan sihat semua lapisan umur. Malah, Islam merujuk masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat dengan istilah khusus, *fasad fi al-aradh wa yasfiku al-dima'* iaitu kerosakan dan pertumpahan darah di muka bumi.

Lantaran itu, DKMN digubal bagi mewujudkan keadilan sosial masyarakat di Malaysia, termasuk warga emas. Di Malaysia, laporan terbaharu yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan peningkatan 20 peratus kes penderaan dan pengabaian ibu bapa oleh ahli keluarga sendiri. Kajian menunjukkan satu daripada 100 warga emas di Malaysia pernah ditipu dalam soal kewangan. Penipuan ini dilakukan ahli keluarga dan sindiket. Golongan ini sering menjadi sasaran berikutan mereka dianggap rentan dan tidak lagi berdaya untuk melawan. Bahkan, dengan perkembangan teknologi membuatkan mereka lebih banyak ketinggalan dan kurang pengetahuan tentang sindiket penipuan yang berleluasa.

Sehingga artikel ini ditulis, belum wujud apa-apa pindaan peruntukan undang-undang khusus terkait warga emas. Dilaporkan pada 2019, satu Rang Undang-Undang Warga Emas (RUUWE) dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada awal tahun 2021. Pun begitu, usaha awal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyatakan bahawa satu rang undang-undang warga emas akan dicadangkan bagi dibentangkan di Parlimen nampaknya belum berjaya dilaksanakan.

Dari aspek hak warga emas, belum ada undang-undang khusus yang dipinda bagi maksud ini sebagaimana Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Peruntukan undang-undang yang ada bersifat umum ke atas semua lapisan masyarakat.

Sebagai contoh, Perkara 5 sehingga 13 Perlembagaan Persekutuan menyentuh aspek kebebasan diri, kesamarataan undang-undang dan sebagainya secara umum tanpa menyebut secara khusus warga emas.

Aspek perundangan amat penting bagi memastikan penguatkuasaan dalam membanteras kes penderaan dan pengabaian dapat dilakukan dengan sistematik. Namun, sejauh manakah perundangan sedia ada dapat memastikan perlindungan warga emas di Malaysia dijamin?

Cadangan kerajaan untuk memperkenalkan akta khusus bagi melindungi kebajikan warga emas amat tepat pada masanya memandangkan jumlah mereka semakin bertambah saban tahun. Hal ini berikutan kes penderaan dan pengabaian warga emas yang semakin meningkat dan masih terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan. Selain menjamin kebajikan warga emas di negara kita, langkah ini juga sesuai sebagai satu persediaan Malaysia menjadi negara tua menjelang tahun 2035.


Bagi tujuan ini, Malaysia boleh mengambil pendekatan untuk menggubal Akta Warga Emas sepertimana Akta Kanak-Kanak 2001. Ia penting bagi mengawal kes penderaan dan pengabaian warga emas pada masa hadapan. Satu cadangan agar Malaysia menetapkan had umur warga emas yang khusus di dalam undang-undang turut boleh dilakukan, oleh kerana tiada penetapan dan kesepakatan berkaitan berapa had umur warga emas itu sama ada di Malaysia mahu pun di luar negara. Sebagai contoh, negara maju meletakkan had umur warga emas ialah 65 tahun dan ke atas memandangkan kehidupan warga emas mereka pada usia tersebut masih sihat.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat mengkategorikan warga emas kepada tua muda, tua-tua dan paling tua-tua. Kategori ini memudahkan pendekatan aktiviti sesuai dengan lapisan usia yang berbeza. Manakala, Dasar Warga Emas Negara pula meletakkan usia 60 tahun dan ke atas sebagai kategori warga emas. Oleh itu, langkah untuk meletakkan penetapan kepada had usia warga emas ini mungkin boleh dibuat sebagai permulaan kepada hari yang cerah dan bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan warga emas di Malaysia pada masa hadapan.

Kerajaan juga boleh mengambil pendekatan untuk menyediakan pelbagai insentif kewangan bagi majikan yang menggaji atau mengekalkan pekerja berusia dan memberi latihan kepada mereka. Langkah ini adalah satu perkara yang boleh dilaksanakan memandangkan warga emas pada masa kini masih ramai yang sihat dan boleh menyumbang tenaga dan buah fikiran kepada pembangunan negara. Hal ini mungkin boleh membantu dalam perkembangan program keselamatan sosial negara kerana kajian menunjukkan pendapatan persaraan bagi kebanyakan warga emas adalah tidak mencukupi. Ditambah pula dengan keadaan Malaysia yang menghadapi inflasi, sudah pasti program keselamatan sosial sebegini dilihat lebih komprehensif untuk diteruskan dan dibangunkan.

Warga emas berhadapan fasa kehidupan paling mencabar kerana mereka mengalami perubahan fizikal, emosi dan mental. Oleh itu, Islam menyediakan mekanisme perlindungan kepada warga emas untuk membantu golongan itu meneruskan kehidupan. Hal ini kerana seseorang yang mencapai usia tua, tidak mampu bekerja kerana mempunyai kekurangan dari sudut fizikal dan fikiran.

Penulis Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya



## 'Kita takut jumlah pembabitan wanita itu akan berkurangan'

Oleh Ercy Gracella Ajos - Februari 6, 2024 @ 6:34pm  
bhnews@bh.com.my



Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara (WIN), Norhimah Aziz. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memberi jaminan dalam memastikan ruang dan peluang bagi golongan wanita sebagai pembuat keputusan tidak diambil mudah, jika kuota 30 peratus golongan itu dilantik sebagai pembuat keputusan yang menjadi dasar kerajaan sebelum ini dimansuhkan.

Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara (WIN), Norhimah Aziz berkata kuota berkenaan diperkenalkan sejak sekian lama dan sehingga kini ia masih belum tercapai sepenuhnya.

"Kita risau, kalau tanpa had atau siling contohnya seperti 30 peratus itu, kita takut jumlah pembabitan wanita itu akan berkurangan. Sepatutnya, kita (kerajaan) perlu naikan peratusan kuota itu.

"Kalau dimansuhkan, bagaimana kita (kerajaan) nak pastikan wanita boleh diberi peluang dan ruang untuk duduk di kerusi pembuat keputusan?" katanya kepada BH hari ini.

Semalam BH melaporkan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata kuota 30 peratus golongan wanita dilantik sebagai pembuat keputusan yang menjadi dasar kerajaan sebelum ini, perlu dimansuhkan segera.

Langkah itu, katanya, perlu dilaksanakan kerana peranan wanita dalam bidang profesional tidak harus disekat lagi seperti sebelum ini.

Mengulas lanjut, Norhimah berkata jika kuota 30 peratus itu dimansuhkan, kerajaan perlu mewujudkan satu badan berkemampuan untuk memperjuangkan hak wanita.

"Sehingga hari ini, kita tidak nampak satu entiti yang menyuarakan 100 peratus tentang wanita. Jadi, mesti ada satu badan yang berkemampuan untuk memperjuangkan hak wanita.

"Selain itu, mungkin kerajaan juga perlu mewajibkannya. Contohnya, daripada 10 (orang), mesti ada wanita yang terbabit dalam membuat keputusan. Kalau tiada, maka penalti perlu diberikan," katanya.

Norhimah dalam masa sama turut mempersoalkan sama badan atau agensi kerajaan bersedia dari segi mental terhadap cadangan berkenaan.

Justeru itu, katanya, adalah lebih baik jika satu badan berhubung golongan wanita ditubuhkan segera.

"Ini kerana isu-isu membabitkan golongan wanita ini banyak. Bukan hanya berkenaan kuota 30 peratus itu, tapi juga dari segi tenaga buruh dan peluang-peluang pekerjaan," katanya.



## Angkara hutang, lelaki belasah teman wanita dengan kayu penggiling

Oleh Nor Azidah Mokhtar - Februari 6, 2024 @ 5:55pm  
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Seorang pekerja kurier ditahan kerana disyaki memukul teman wanitanya menggunakan kayu penggiling adunan tepung sehingga cedera dalam kejadian di sebuah pangsapuri dekat Ampang Jaya, semalam.

Kejadian dilaporkan kepada pihak polis oleh seorang pegawai perubatan Hospital Selayang selepas menerima seorang pesakit wanita yang mengalami kecederaan akibat dipukul pada jam 8 pagi, 30 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata mangsa berusia 29 tahun cedera di kepala dan kedua-dua tangan dalam kejadian itu.


Katanya, hasil siasatan, polis menahan seorang lelaki tempatan berusia 34 tahun yang bekerja sebagai penghantar kurier di Kampung Baru, Ampang kira-kira jam 5 petang, semalam.

"Menerusi tangkapan itu, kita turut merampas satu kayu penggiling adunan tepung yang dipercayai digunakan sebagai senjata dalam kejadian itu.

"Semakan mendapati suspek mempunyai lima rekod lampau atas kesalahan dadah, dan keputusan ujian saringan air kencing ke atasnya didapati positif dadah jenis methamphetamine dan amphetamine," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohd Azam berkata siasatan mendapati motif kejadian adalah disebabkan perselisihan berkait isu hutang antara mangsa dan suspek.

"Suspek kini direman empat hari hingga 9 Februari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata," katanya.



## Reman pengawal keselamatan cabul murid disambung

Oleh NOOR AINON MOHAMED [Follow](#) 06 Februari 2024 03:57pm



Laporan Sinar Harian (kiri), Ahmad Adnan

IPOH - Seorang pengawal keselamatan yang ditahan kerana disyaki mencabul murid perempuan Tahun Satu di sebuah sekolah di sini, Rabu lalu, disambung reman selama tiga hari.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, permohonan sambung reman terhadap suspek berusia 45 tahun itu dilakukan setelah tempoh reman tamat pada Selasa.

"Sambung reman bermula esok dan suspek dijangka dituduh pada Jumaat ini di Mahkamah Majistret Teluk Intan selepas lengkap siasatan," katanya di sini.

Menurut beliau, siasatan dijalankan mengikut Sesyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Media melaporkan polis menahan seorang pengawal keselamatan yang disyaki mencabul murid perempuan Tahun Satu di sebuah sekolah di sini.

Laporan diterima sekitar jam 10 pagi daripada rakan setugasnya yang melihat suspek bertindak memeluk dan mencabul kehormatan kanak-kanak berkenaan di hadapan sebuah kelas.

"Sambung reman bermula esok dan suspek dijangka dituduh pada Jumaat ini di Mahkamah Majistret Teluk Intan selepas lengkap siasatan," katanya di sini.

Menurut beliau, siasatan dijalankan mengikut Sesyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Media melaporkan polis menahan seorang pengawal keselamatan yang disyaki mencabul murid perempuan Tahun Satu di sebuah sekolah di sini.

Laporan diterima sekitar jam 10 pagi daripada rakan setugasnya yang melihat suspek bertindak memeluk dan mencabul kehormatan kanak-kanak berkenaan di hadapan sebuah kelas.



## Sultan Nazrin berkenan rasmi Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi HRPB

Bernama

Februari 6, 2024 13:50 MYT



*Sultan Nazrin dan Tuanku Zara berkenan mendengar taklimat ketika sesi lawatan ke ruang pameran sempena perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh pada Selasa. - Foto Sinar Harian*

**IPOH:** Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, hari ini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa, Raja Puan Besar Perak Raja Nazhatul Shima Sultan Idris A'fulillah Shah dan Raja Di Hilir Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris A'fulillah Shah.

Keberangkatan tiba baginda berdua pada 10.15 pagi disambut Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad dan isteri Datin Seri Aezer Zubin.

Hadir sama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Sementara itu, Dzulkefly dalam sembah ucapannya berkata dengan wujudnya KWKK, HRPB menjadi antara tiga hospital terbesar di Malaysia selepas Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Pulau Pinang.

Beliau berkata hospital berkenaan mempunyai kapasiti 1,394 katil, 22 dewan bedah, 33 katil unit rawatan rapi dewasa.

Katanya ia turut dilengkapi 10 katil unit rawatan jantung, 12 katil Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU) dan 24 katil unit rawatan neonatal.

"Kompleks ini dibina dengan kos sebanyak RM237 juta di atas tapak yang berkeluasan 14,671 meter persegi di bawah peruntukan RMK-10.

"Ini merupakan satu peruntukan yang besar dalam perbelanjaan sebuah hospital bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dapat dilaksanakan secara optimum kepada seluruh rakyat Malaysia umumnya dan negeri Perak khususnya," katanya.


Dzulkefly berkata kompleks tersebut menawarkan perkhidmatan kesihatan daripada tiga jabatan utama iaitu Jabatan Kardiologi, Jabatan Pediatrik dan Jabatan Obstetrik dan Ginekologi yang dilengkapi dengan kemudahan sebanyak 404 buah katil, enam dewan bedah dan 304 lot parkir untuk kegunaan kakitangan dan orang awam.

Selain itu, katanya kompleks itu juga menyediakan tiga perkhidmatan sokongan iaitu perkhidmatan Radiologi, Farmasi dan Unit Bekalan Bahan Steril bagi menyokong kelangsungan penyediaan perkhidmatan di bangunan tersebut.

Dalam pada itu Dzulkefly berkata Perak kini mempunyai 15 hospital, lima daripadanya adalah hospital berpakar, 88 buah Klinik Kesihatan, 73 Klinik Pergigian, 10 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, 222 Klinik Desa dan 18 Klinik Komuniti.

"Seiring dengan perkembangan dunia perubatan, pihak kerajaan telah menyediakan banyak kemudahan bagi memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan bertaraf antarabangsa," katanya.

Selain itu katanya Kementerian Kesihatan juga berusaha ke arah menyediakan sistem perkhidmatan kesihatan yang lebih adil dan saksama, berkualiti tinggi, mudah dicapai dengan kos berpatutan serta mampan untuk jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat, sepertimana digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan.



TAJUK : SULTAN NAZRIN RASMI KOMPLEKS WANITA, KANAK-KANAK DAN KARDIOLOGI HRPB

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Sultan Nazrin rasmi Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi HRPB

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, semalam.

KWKK HRPB membabitkan keluasan 14,671 meter persegi mula beroperasi sejak Disember 2019, membabitkan perbelanjaan pembinaannya sebanyak RM237 juta di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dengan kerja pembinaannya bermula sejak 2013.

Kompleks dengan ketinggian 10 tingkat itu memuatkan 404 katil dengan dilengkapi 304 lot parkir untuk kakitangan serta pelawat.

Kompleks itu menawarkan ti-

ga perkhidmatan utama iaitu Kardiologi, Pediatrik, dan Obstetrik & Ginekologi (O&G) selain beberapa sub perkhidmatan yang lain, antaranya termasuk perkhidmatan pesakit luar bagi kardiologi, O&G, dan Pediatrik.

Bangunan itu juga menyediakan lima perkhidmatan sokongan iaitu Radiologi, Farmasi, Dewan Bedah, Central Sterile Supply Department (CSSD) dan Unit Hasil.

Berangkat sama pada majlis itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Idris Shah; dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah.



Sultan Nazrin bersama Tuanku Zara Salim berkenan melihat prosedur rawatan pesakit selepas menyempurnakan majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi HRPB di Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)



TAJUK : PEMANDU LORI HANYA MENGANGGUK FAHAM

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## lokal



KESIGAN diiring anggota polis di Mahkamah Majistret, semalam.

**DIDAKWA BUNUH ANAK SAUDARA BERUSIA 18 BULAN**

# Pemandu lori hanya mengangguk faham

Oleh Suraya Roslan  
[surayaroslan@mediaprima.com.my](mailto:surayaroslan@mediaprima.com.my)

### Petaling Jaya

Seorang pemandu lori didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana membunuh anak saudaranya yang berusia 18 bulan, dua minggu lalu.

Tertuduh M Kesigan, 28, mengangguk faham sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Farah Azura Mohd Saad.

Tiada pengakuan dire-

kodkan daripada tertuduh berikutan kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa membunuh bayi lelaki itu di sebuah blok di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Putra Damai, Lembah Subang di sini, jam 11.15 malam pada 24 Januari lalu.

Pendakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Timbalan Pendakwa Raya Noor Khairun Nisa Noor Harun tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh yang tidak diwakili pe-

guam.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 April ini untuk sebutan semula kes bagi serahan laporan kimia dan bedah siasat.

Sebelum ini, media melaporkan mangsa maut dipercayai didera suami isteri yang juga ibu bapa saudaranya.

Mangsa dikatakan tidak sedarkan diri di kediaman terbabit sebelum dibawa ke Hospital Shah Alam oleh bapa saudaranya.


Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia ketika rawatan dan hasil pemeriksaan serta bedah

siasat mendapati bayi itu mengalami pecah dan kecederaan beberapa organ dalam dipercayai akibat didera.

Difahamkan, mangsa terbabit dihantar ke rumah suspek setiap kali ibu bapanya ke tempat kerja dan dijaga oleh pasangan suami isteri itu.

**3 April**

Tarikh sebutan semula kes bagi serahan laporan kimia dan bedah siasat.



TAJUK : SULTAN PERAK RASMI KWKK

HARI : RABU

TARIKH : 7 FEB 2024

TONE : POSITIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 17

SEKTOR : KPWKM

## Sultan Perak rasmi KWKK

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, semalam berkenan menceburi dan berangkat merasmikan Kompleks Wanita, Kanak-Kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Berangkat sama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Idris Shah dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah.

Hadir sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Timbalannya, Datuk Lukanisman Awang Sauni; Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mo-

hammad; dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.

Sultan Nazrin turut berkenan melawat tiga klinik serta ruang pameran yang diadakan sempena majlis perasmian itu.

Sementara itu, Dr Dzulkefly ketika menyampaikan sembah ucapan sempena majlis berkata, dengan adanya KWKK, HRPB sekaligus menjadi antara tiga hospital terbesar di Malaysia selepas Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Pulau Pinang (HPP).

Ia memiliki kapasiti 1,394 katil, 22 dewan bedah, 33 katil unit rawatan rapi dewasa, 10 katil unit rawatan rapi kanak-kanak

(PICU) dan 24 katil unit rawatan neonatal.

"Perak kini mempunyai 15 hospital kerajaan dengan lima daripadanya hospital berpakar, 88 klinik kesihatan, 73 klinik pergigian, 10 klinik kesihatan ibu dan anak, 222 klinik desa dan 18 klinik komuniti," katanya.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berusaha ke arah menyediakan sistem perkhidmatan kesihatan yang lebih adil dan saksama, berkualiti tinggi, mudah dicapai dengan kos berpatutan dan mampan untuk jangka masa panjang bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat.



SULTAN Perak, Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan melihat prosedur rawatan pesakit ketika berangkat menyempurnakan majlis perasmian Kompleks Wanita, Kanak-kanak dan Kardiologi (KWKK) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), semalam.



TAJUK :	EXPANSION OF COMMUNITY-LEVEL PAWE TO CURB OVERCROWDING AT RUMAH SERI KENANGAN, SAYS NANCY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	7 FEB 2024	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Expansion of community-level Pawe to curb overcrowding at Rumah Seri Kenangan, says Nancy

**ALOR GAJAH:** The initiative to expand the Senior Citizens Activity Centres (Pawe) at the community level by the Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM) is seen as capable of addressing overcrowding issues at Rumah Seri Kenangan nationwide.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said it also aimed to ensure the elderly remain productive and lead safer, more comfortable daily lives.

"We admit that the capacity of the 10 existing Rumah Seri Kenangan is no longer able to accommodate the increasing number of senior citizens, especially when the country is becoming an ageing nation.

"Therefore, we hope the establishment of PAWE will provide the much-needed assistance for this group," she told reporters after launching the Community-Based Organisation (CBO) Directory KPWKM @ Alor Gajah, at Kompleks Penyayang Alor Gajah here yesterday.

Nancy noted that even though there are many private care centres, not all elderly citizens can afford them, and as such, the government allows the

establishment of more than one Pawe in every parliamentary constituency compared to just one previously.

"The ministry encourages interested communities to apply for allocation of up to RM50,000 per year for Pawe implementation," she said, adding that local communities have the flexibility to organise activities according to their needs to prevent the centres from becoming underutilised.

"For this reason, we also allow them to use their respective Neighbourhood Watch Area (KRT) address when applying if they do not have dedicated premises or land to implement the programme," she said.

In another development, Nancy called for enhanced cooperation with the private sector and non-governmental organisations (NGOs) to train more individuals interested in caring for the elderly or those in need, including children.

"We are planning to train more people in this field by working with the private sector and NGOs, while also identifying more effective mechanisms to drive the industry forward," she said. — Bernama



Nancy performs the gimmick to launch the CBO Directory KPWKM @ Alor Gajah. — Bernama photo



TAJUK :	FOLLOWING SINGAPORE'S LEAD IN ELDERLY CARE		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	7 FEB 2024	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Following Singapore's lead in elderly care

Fatimah: Sarawak to use republic's model to form support system for senior citizens

Matthew Umpang

**KUCHING:** Sarawak plans to use Singapore as a model to develop a support system for the elderly in the state, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development said Singapore's comprehensive system prioritises safety and health both in care centres and at home.

"We did a survey recently with many of the elderly population in Sarawak and from that survey, we found out that many of them would rather be at their own homes and do not want to be placed at care centres.

"Among the things created by Singapore which was tailored to accommodate elderly residents there is the country's use of an alarm system to alert caregivers if an elderly person falls at home, ensuring immediate assistance," she said at the 'Giving Love Grateful Heart' Chinese New Year Dinner here Monday.

She added Sarawak could learn much from Singapore on how to better look after the elderly who need care but do not want to be placed in centres.

A total of 33 senior citizens from Sarawak Hun Nam Siang Tng and 20 children from The Salvation Army were in attendance.

During the event, Fatimah witnessed the symbolic handing over of RM30,000 from 38 Yayasan Amal Cinta to Sarawak Hun Nam Siang Tng, as well as distributed angpows.




**Among the things created by Singapore which was tailored to accommodate elderly residents there is the country's use of an alarm system to alert caregivers if an elderly person falls at home...**

Dato Sri Fatimah Abdullah

"We hope to see more charitable organisations emulate what the charitable organisations involved in this event do for the community," she added.

Among the attendees were Batu Lintang assemblyman See Chee How, Sarawak Hun Nam Siang Tng chairman Tay Boon Sing, Kuching Book Lovers Association founder and chairperson May Loo Hun Ing, and Kuching Book Lovers Association secretary Ashley Thian.



TAJUK : LORRY DRIVER CHARGED WITH MURDER OF TODDLER NEPHEW

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Lorry driver charged with murder of toddler nephew

**PETALING JAYA:** A lorry driver was charged in the Magistrates' Court yesterday with the murder of his 18-month-old nephew two weeks ago.

M. Kesigan, 28, was charged with murdering T. Hudesh at Taman Putra Damai People's Housing Project, Lembah Subang, near here at 11.15pm on Jan 24.

However, no plea was recorded

from the accused after the charge was read out before Magistrate Farah Azura Mohd Saad.

The court set April 3 for mention pending the post-mortem report.

Deputy public prosecutor Noor Khairun Nisa Noor Harun appeared for the prosecution.

— Bernama



TAJUK : MAN IN FATAL SIBURAN DOMESTIC VIOLENCE CASE PLEADS GUILTY

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Man in fatal Siburan domestic violence case pleads guilty

Desiree David

**KUCHING:** A 42-year-old man pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to a charge of culpable homicide not amounting to murder, in connection with the death of his wife in Siburan last month.

Abang Ahmad Zaki Mohd Ladi made the plea before judge Musli Ab Hamid, who fixed March 9 for sentencing and ordered the accused to be further held in *Puncak Borneo Prison pending the date.*

Abang Ahmad Zaki was charged under Section 304(b) of the Penal Code with causing the death of his wife, 43, at a house in Taman Duranda Emas, Jalan Kuching-Serian at around 8.30am on Jan 22.

The Section provides imprisonment for up to 10 years or with fine or both.

Prosecuting was deputy public prosecutor Ruvinasini Pandian, while the accused was unrepresented.

Based on a previous news report, Padawan police chief Supt Abang Zainal Abidin Abang Ahmad said the accused had been kicked out of the house by his wife on Jan 8, but returned on Jan 22 to collect his clothes.

He said during discussions about their marriage, the man pushed his wife onto a sofa and inflicted serious injuries on her.




The accused is led from the court at the end of the proceeding.

The woman was able to call her family members for help, with police later arresting the accused for investigation.

The following night, however,

she complained of pain in the region of her ears before losing consciousness in her home, and was pronounced dead by medical personnel.



TAJUK :	RM1.2MIL FOR MORE BEDS IN IPOH HOSPITAL COMPLEX		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	7 FEB 2024	M/SURAT :	04
TOPE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# RM1.2mil for more beds in Ipoh hospital complex

By IVAN LOH  
ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** More beds will be provided for the women, children and cardiology complex of Hospital Raja Permaisuri Bainun, says Health Minister Datuk Seri Dr Zulkefly Ahmad.

He said RM1.2mil will be allocated to procure the beds.

"The hospital currently has about 1,390 beds, which include 404 beds at the complex, but it is still not enough.

"The ministry will provide RM1.2mil to procure 250 beds so that it can operate at full capacity," he told a press conference after attending the opening ceremony of the complex by the Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah here yesterday.

The 10-storey complex, which cost about RM237mil, was completed on Aug 15, 2019.

It started operating in December 2019, offering cardiology, paediatric, obstetric and gynaecology services.

These include outpatient treatment, neonatal intensive care, invasive and non-invasive cardiac labs, paediatric intensive care and high dependency units, a respiratory haemodynamic unit and a skills laboratory for training.

The building also offers support services like radiology, operating theatres, a pharmacy and central sterile supply department.

Zulkefly said a tender has also been opened for the upgrade and refurbishment work of Hospital



**How it's done:** Sultan Nazrin and Tuanku Zara looking at the patient treatment procedure at Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh. — Bernama

Kuala Kangsar.

"Sultan Nazrin had asked about the project during a brief discussion earlier, and I will follow up on it. We have just started with the tender process," he said.

During the tabling of Budget 2023 in February last year, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that RM36.3bil would be allocated to the health sector.

This includes work to upgrade

and refurbish several hospitals, including those in Kuala Kangsar; Jelebu in Negri Sembilan; and Pontian in Johor.

In his speech earlier, Dzulkefly said Hospital Raja Permaisuri Bainun is one of the three largest hospitals in Malaysia, after Hospital Kuala Lumpur and Hospital Penang.

He added that the delay in opening the complex was due to several challenges, including the


Covid-19 pandemic.

He said the Health Ministry would always work towards preparing fair, equitable, sustainable, appropriately-priced and quality healthcare services to the people, as underlined in the Health White Paper.

Dzulkefly said Perak now has 15 hospitals, five of which are specialist hospitals; 88 health clinics; 73 dental clinics; 10 maternal and child health clinics; 222 rural

clinics; and 18 community clinics.

Also present during the opening ceremony were Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa, Raja DiHilir Perak Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah, Raja Puan Besar Perak Raja Nazhatul Shima Idris Shah, Perak Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad, and Perak Speaker Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid.



TAJUK : ACTIVITY CENTRES FOR SENIOR CITIZENS TO BE EXPANDED

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Activity centres for senior citizens to be expanded

**ALOR GAJAH:** The initiative to expand the Senior Citizens Activity Centres at the community level by the Women, Family and Community Development Ministry is expected to be able to address overcrowding issues at Rumah Seri Kenangan nationwide.


Its minister Datuk Seri Nancy Shukri said it is

also aimed at ensuring the elderly remain productive and lead safer, more comfortable daily lives.

"We are aware that the capacity of the 10 existing Rumah Seri Kenangan is no longer able to accommodate the number of senior citizens, especially when the country is

becoming an ageing nation.

"Therefore, we hope the establishment of the centres would provide the much-needed assistance for this group," she said after launching the Community-Based Organisation Directory KPWKM@Alor Gajah at Kompleks Penyayang Alor Gajah yesterday. – Bernama



TAJUK : PERAK SULTAN OPENS WOMEN, CHILDREN AND CARDIOLOGY COMPLEX

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 7 FEB 2024

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Perak Sultan opens Women, Children and Cardiology Complex

**IPOH:** The Sultan of Perak Sultan Nazrin Shah officiated at the opening of the Women, Children and Cardiology Complex of the Raja Permaisuri Bainun Hospital yesterday.

Sultan Nazrin was accompanied by the Raja Permaisuri of Perak Tuanku Zara Salim.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the new complex would make the hospital one of the three largest ones in Malaysia, after Kuala Lumpur Hospital and Penang Hospital.

He said the hospital now boasts 1,394 beds, 22 operating theatres and 33 adult intensive care unit beds.

He added that it is also equipped with 10 beds in the cardiac care unit, 12 beds in the paediatric intensive care unit and 24 beds in the neonatal care unit.

"This complex was built at a cost of RM237 million on an area of 14,671 sq m under a 10th Malaysia Plan allocation.

"This is a large allocation for a hospital to ensure that health services can be implemented optimally for all Malaysians in general, and the state of Perak in particular."

Dzulkefly said the complex offers health services from three main departments, namely Cardiology, Paediatrics and Obstetrics and Gynaecology, with 404 beds, six operating theatres and 304 parking spaces for the use of the public and staff.

He said the complex also provides three support services, namely radiology, pharmacy and the sterile material supply unit.

He added that Perak has 15 hospitals including five specialist hospitals, 88 health clinics, 73 dental clinics, 10 maternal and child health clinics, 222 rural clinics and 18 community clinics.

"Along with the development of the medical world, the government has provided many facilities to provide the best health services of international standard."

Dzulkefly said the ministry is also working towards providing a fairer and more equitable health system of high quality, at a reasonable cost and sustainable in the long term to meet the needs of the people, as outlined in the Health White Paper. - Bernama



Sultan Nazrin and Tuanku Zara Salim observing a treatment procedure after the opening of the complex in Ipoh yesterday. - BERNAMAPIC